

KHUTBAH JUMAAT: AMALAN SELEPAS IDULFITRI

PENGARANG: NURHELMI B. HJ. IKHSAN

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T. kerana telah berjaya melalui bulan Ramadhan al-Mubarak yang baru sahaja berlalu pergi meninggalkan kita dengan mengerjakan pelbagai ibadah samada yang wajib ataupun sunat sebagai bukti ketakwaan kita kepada Allah. Justeru, marilah kita pada hari yang berbahagia ini terus memastikan tahap ketakwaan kita kepada Allah S.W.T. terus mantap dan mampu kita jelmakan dalam amalan dan perbuatan seharian. Jadikan takwa itu, sebagai bekalan kita untuk melayari hidup ini dan mudah-mudahan hembusan nafas terakhir kita tatkala meninggalkan alam ini juga diiringi dengan takwa.

Kini kita berada di bulan Syawwal, bulan kemenangan selepas melalui ujian dan cubaan yang begitu sukar. Maka amat beruntunglah mereka yang berjaya melepasi ujian tersebut dengan penuh pengharapan yang tinggi dalam misi mencari keredhaan Allah S.W.T. Sabda Rasulullah S.A.W.:

Maksudnya: Barangsiapa berpuasa Ramadhan dan berjaga malamnya dengan penuh kepercayaan dan keikhlasannya nescaya diampunkan dosanya yang telah lalu.

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Dalam bulan Syawwal yang mulia ini, kita perlu merenung dan menghayati bahawa Aidilfitri yang dianugerahi oleh Allah S.W.T. sesungguhnya menjadi wadah kepada kita untuk sentiasa bersyukur dan lebih banyak merenung keagungan dan kebesaran-Nya. Takbir yang dialunkan sebaik sahaja terbenam matahari akhir Ramadhan sehingga berakhir solat Aidilfitri,

sesungguhnya mengisyaratkan agar manusia menginsafi kekerdilan diri mereka.

Kita perlu sedar dan insaf bahawa kita telah memiliki anugerah atau nikmat yang sangat besar iaitu nikmat iman, di hadapan kita ada agenda yang besar dan perlu ditunaikan iaitu mencari keredhaan Allah, di dunia ini kita berhadapan dengan kedudukan dan kuasa yang besar, tetapi di sanalah ada kudrat Allah S.W.T. yang Maha Besar yang memberikan segala nikmat dan anugerah kepada umat manusia sebagai ujian sama ada kita bersyukur dan memanfaatkan segala nikmat berkenaan ke jalan kebaikan dan makruf, atau manusia tiba-tiba menjadi lupa dan terpedaya dengan ujian kedudukan, cubaan kekuasaan dan dugaan kekayaan, lalu mengabaikan tanggungjawab yang wajib ditunaikan sesuai dengan amanah yang telah diberikan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Aidilfitri adalah hari kita kembali kepada fitrah setelah kita mensucikan diri dan akhlak di bawah madrasah Ramadhan. Justeru, raikanlah Aidilfitri ini dengan kegiatan-kegiatan yang berunsur kesucian jiwa seperti menghubungkan silaturrahim dan mengeratkan kasih sayang antara keluarga, jiran dan masyarakat dengan saling bermaafan, ziarah menziarahi dan melupakan kesilapan yang lalu. Firman Allah S.W.T. :

Maksudnya: Bukankah tidak ada balasan bagi amal yang baik melainkan balasan yang baik juga.

(Ar-Rahman : 60)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Dalam masa yang sama, marilah kita bersama-sama berusaha untuk menerus dan mempertingkatkan amalan sunat seperti berpuasa sunat 6 hari dalam bulan Syawwal, yang mana ganjarannya disisi Allah amatlah besar. Begitu juga dengan amalan yang lain seperti berwirid, bertasbih, bertahlil dan bertahmid memuji Allah serta selawat ke atas Rasulullah S.A.W. yang perlu

dilaksana dan diteruskan secara istiqamah, bukan sekadar dalam bulan Ramadhan sahaja, di samping ibadah sunat yang lain seperti bersedekah dan solat-solat sunat pada malam hari.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Perasaan kasih dan sayang kita juga perlu terus terpancar kepada golongan yang dhaif, yang juga perlu didokong dan diringankan bebanan hidup mereka dengan segala bantuan, sama ada yang berbentuk material mahupun dorongan semangat untuk menjalani kehidupan dengan azam dan tawakkal. Apabila kita membantu golongan fakir, miskin atau anak-anak yatim, sesungguhnya pada zahirnya sahaja kita sedang membantu mereka, tetapi pada hakikatnya merekalah yang sedang membantu kita, iaitu membantu kita untuk menjadi seorang insan yang pengasih, prihatin dan dermawan, sekaligus dengan amalan itu juga mereka membantu kita untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T.

Dokongan dan sokongan kita terhadap golongan ini bukan saja perlu dilaksanakan dan disemarakkan pada bulan Ramadhan atau Syawwal tetapi tanggungjawab sosial seperti ini juga perlu ditunaikan pada bulan-bulan yang lain.

Demikianlah juga, ibadah zakat bukan saja kita hadkan kepada zakat fitrah pada bulan Ramadhan semata-mata, tetapi juga perlu melibatkan semua jenis zakat yang wajib dikeluarkan hak zakatnya setelah cukup syarat-syaratnya yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian ingatlah, dalam harta kita sebenarnya ada hak orang lain yang perlu kita tunaikan. Semoga kesan tarbiyyah diri yang telah kita laksanakan dalam bulan Ramadhan yang lalu akan berterusan sehinggalah kita menemui Ramadhan yang akan datang.

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْنَا الْقُرْآنَ الْحَرَامَ وَالَّذِينَ آمَنُوا
وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَكُونُوا مِمَّنْ أَمَرُوا بِالْحَقِّ وَنَهَوْا بِالْبَاطِلِ ﴿١٢٤﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.